

Berita @ Asas '50

edisi ke-222
30hb Jun 2006

surat berita terbitan Angkatan Sarawak '50

Sidang Redaksi

Penasihat

Mohd Pichay Gani Mohd Abdul Aziz

Ketua Editor

Mohd Iwan Jamal

Editor Kanan

Haimull Amri Tahira

Pengarah Artistik

Siti Nur Akshab Mustafa
Nur Leha Afee

Penyumbang

Abdul Ghani Hamid
Siti Nur Akshab Mustafa
Nur Leha Afee
Mohd Syukri Mohd Shuhaimi
Nurhidawati Iryani Abdullah
Mohd Iwan Jamal
Mohd Dzul Azlan Saklan
Ami Jelani
Mohd Firdaus Amir
Mahirah Mohd Thoini
Mohd Ali Mohd Iqbal
Haimull Amri Tahira



Kandungan

- 2 Kata Editor
- 3 Dalam Merenung Dalam
- 4 Mengenal Sejenak Masuri SN
- 5 Merealisasikan Pemikiran Masuri SN Dalam 'Rutin'
- 6 Antologi Cerpen Bengkel Kreatif @ Asas '50
- 7 Malam Silam Gemilang
- 8-11 Dari Kanta Belia Asas '50
- 12 Perkembangan Sayembara Noktah Putih

Akan Datang

Malam Baca Puisi Asas '50 Sempena Bulan Bahasa 2006

Tarikh: Jumaat, 14 Julai 2006 Masa: 8 - 9.30 malam

Tempat: Perpustakaan Negara, Victoria Street
Tingkat 5, Courtyard

Semua dijemput untuk mendeklamasikan sajak-sajak mereka.

Pertemuan Penulis-Penulis Read ! Singapore 2006

Sesi Bicara Karya Bersama Datuk Anwar Ridhwan dan Sabri Buang

Tarikh: Sabtu, 15 Julai 2006 Masa: 2.30 petang

Tempat: Tampines Regional Library



Kata Editor

Assalamualaikum Wr Wb,

Alhamdulillah. Kini kita bertemu lagi dalam edisi kedua Berita @ Asas '50, surat berita (*newsletter*) terbitan Angkatan Sasterawan '50. Kalendar sastera, bahasa dan persuratan Melayu bagi tahun 2006 diwarnai dengan pelbagai kegiatan yang bakal menjadi santapan para peminat dan pencinta bahasa dan sastera. Aktiviti-aktiviti yang merangkumi dan menyentuh aspek-aspek kesusasteraan, kesenian, pedagogi dan keintelektualan dijangka akan menerima sambutan hangat pada tahun ini.

Tambahan lagi, dengan penglibatan Asas '50 dalam beberapa projek peringkat nasional seperti Bulan Bahasa 2006, MOU Asas '50 – UPSI, Sayembara Noktah Putih dan lain-lain lagi, saya pasti diari kegiatan 2006 bagi arena sastera dan bahasa Melayu Singapura begitu rancak. Justeru, amat payahlah bagi pemerhati dan pengkritik senario persuratan tanahair untuk menyangkal dan memperkatakan akan ketandusan kegiatan-kegiatan sastera di sini.

Asas '50 juga dalam proses mengusahakan sebuah antologi cerpen dan sajak belia, hasil titik peluh para peserta bengkel-bengkel Kreatif@Asas '50 yang diadakan pada akhir 2005. Ini menunjukkan darjah komitmen Asas '50 dalam memperkayakan khazanah sastera dan juga memberikan peluang kepada penulis-penulis muda untuk menonjolkan bakat-bakat mereka.

Sayembara Noktah Putih turut mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari masyarakat dengan panggilan bertubi-tubi kepada talian sayembara ini. Tambahan lagi, dengan bantuan pihak media seperti Berita Harian, Warna 94.2FM dan Ria 89.7FM, Sayembara Noktah Putih telah dapat diuar-uarkan kepada masyarakat dengan berkesan.

Asas '50 turut merealisasikan pelancaran buku Allahyarham Masuri SN pada 29 April 2006 di Perpustakaan Negara, Victoria Street. Buku *Dalam Merenung Dalam* yang merupakan kumpulan esei dan kritikan Masuri SN, telah dilancarkan oleh Dr Balaji Sadasivan. Majlis itu turut memperlihatkan kehadiran beberapa tokoh ternama tanahair seperti Haji Alami Musa, Haji Abu Bakar Maidin dan juga anak-anak serta balu Masuri SN.

Justeru, dengan penglibatan proaktif Asas '50 dalam pelbagai kegiatan sastera dan bahasa di dalam mahupun luar negara, saya dapat meramalkan satu tahun yang amat sibuk, bukan hanya untuk Asas '50, malah, untuk peminat bahasa dan sastera Melayu. Moga-moga kegiatan-kegiatan yang dihidangkan akan menggerakkan senario bahasa dan sastera ke arah kecemerlangan!

Wassalam,

Muhammad Irwan Bin Jamal
Ketua Editor

Dalam Merenung Dalam

Siti Nur Akashah Mustaffa & Nur' Lelah Asfee

Buku *Dalam Merenung Dalam*, yang memuatkan esei dan kritikan mengenai isu-isu sastera, bahasa, pendidikan dan kemanusiaan hasil Allahyarham Dr Masuri Salikun telah dilancarkan pada 29 April 2006 di ruang serbaguna, *The Pod* yang terletak di puncak Perpustakaan Negara, Victoria Street.



*Dr. Balaji
memberikan ucapan*

Buku ini diterbitkan dengan sokongan padu Majlis Kesenian Singapura (NAC), Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS),

JAMIYAH dan Asas '50. Menteri Negara Kementerian

Penerangan, Perhubungan dan Kesenian (MICA), Dr. Balaji Sadasivan, diundang untuk menyerikan majlis selaku tetamu terhormat.



*Buku Masuri SN dilancarkan oleh Dr
Balaji Sadasivan*

Penghargaan istimewa turut diberikan kepada keluarga Masuri SN dalam menyumbangkan bahan-bahan Allahyarham sehingga berjaya buku ini diterbitkan.

Acara yang mendapat liputan media tempatan ini dijalankan sepenuhnya oleh anggota-anggota sayap belia Asas '50. Acara gemilang yang berlangsung selama tiga jam ini dipenuhi dengan babak-babak nostalgia yang diselitkan dalam persembahan puisi artistik penuntut Institut Millenia (MI) dan deklamasi sajak guru-guru pelatih Institut Pendidikan Nasional (NIE) Kampus Townsville.

Alunan puisi dan irama suara mereka diilhamkan oleh karya-karya termasyhur Masuri SN iaitu *Ini Nasi Yang Kusuap* dan *Aku Tiada Peduli*. Masuri SN memang ternyata seorang pujangga yang berdiri teguh dengan kata-katanya. Semoga karya-karya beliau dijadikan pedoman masyarakat dan pemangkin semangat belia-belia hari muka.




*Persembahan Guru-Guru
Pelatih NIE Townsville*

"Esei dan kritikan Masuri dalam koleksi ini boleh dianggap sebagai manifestasi pemikiran kontemporarinya selama 30 tahun... Walaupun Masuri lebih terkenal kerana sajaknya, namun tidak kurang penting adalah esei dan kritikan yang beliau hasilkan yang tinggi falsafah dan nilai kecendekiawanannya."

Mohd Pitchay Gani



*Dari kiri: Haji Abu Bakar Maidin, A.
Ghani Hamid, Dr Balaji Sadasivan dan
Haii Alami Musa*



Mengenal Sejenak Masuri S.N

Abdul Ghani Hamid


Masuri S.N memang dikenali ramai, malahan dikenali di seluruh Nusantara dan Asia. Tidak berlebihan, kalau saya katakan, lebih luas dari itu.

Di luar kemampuan saya untuk menjejaki bahagian alam yang telah diterokai atau yang telah dihadiri oleh Masuri. Namun sebagai seorang rakan yang telah mengenal karyanya sebelum bertemunya, saya ingin berkongsi dengan teman-teman sekelian cebisan yang indah yang dirasakan berfaedah kepada kita semua.

Seperti teman-teman yang lain, saya telah berkesempatan dengannya sejak lebih 40 tahun sudah. Ada yang telah berkenalan lebih lama lagi. Sejak beberapa ini, kami berdua sering bertemu berbincang kerana tugas mengadil/memilih karya-karya sastera, berbincang kegiatan persatuan, serta menghadiri berbagai-bagai pertemuan di dalam dan luar negara. Sering juga kami bertemu sekadar 'berbual-bual' menghilangkan rasa 'bosan.'

Kepada saya 'pertemuan-pertemuan' itu telah menolong saya dan mendengar suara hati yang telah dan selalu dilahirkannya melalui ribuan puisiya. Perbualan secara langsung yang saya dengar dan terima langsung dirinya telah menambahkan cahaya kepada tayangan yang diberikan melalui puisi-puisinya.

Saya mengenal Masuri sebagai seorang penyair yang dinamis, bergerak dan sukar menyertai pandangan dan cita-cita 'lembab.' Kejujuran dan ketelusan yang dirakamkan olehnya tercatat dalam puisi-puisinya.



Mohd Latiff Mohd mendeklamasikan sajaknya mengenai Masuri SN

Saya ingin merakamkan bahawa Masuri Bin Salikun (11 Jun 1927 – 6 Disember 2005) ialah seorang yang sehati dengan puisi serta menulis untuk membina masyarakat dengan sifat kesenimanan yang ikhlas, tegas dan tekal. Pandangan dan kritiknya yang tegas sentiasa mengajak masyarakat terutama para sasterawan dan penulis supaya memberi sumbangan tanpa lebih dulu menghitung pahalanya. Mereka ini "kelupaan memberi bakti, malah enak-enak meratah hasil kerja yang tidak pernah kita beri."

Masuri merasa senang kalau kita dapat amalkan 'mengkritik diri sendiri,' kerana ia lebih jujur. Demikian, dengan ringkas, kita mengenal insan penyair ini melalui sebahagian karyanya.

Saya mengakhiri dengan memohon izin menggunakan dua baris yang saya petik dari sajak saya berjudul "Masuri S.N":

*Kehadiranmu adalah penyair
Kewujudanmu adalah puisi*



Pak Ghani memberikan ucapannya di majlis pelancaran buku Masuri SN

Merealisasikan Pemikiran Masuri S.N dalam 'Rutin'

Muhammad Syukri Muhammad Shuhaimi

Institut Millennia (MI) telah menjuarai pertandingan Gema Puisi Artistik 2006 yang dianjurkan oleh Persatuan Budaya Melayu Maktab Rendah Nanyang pada 25 Mac 2006. Selain menjadi juara keseluruhan pertandingan, Institut Millennia juga telah berjaya merangkul tiga kategori khusus, iaitu Penulisan Skrip dan Puisi Terbaik, Persembahan Artistik Terbaik, dan Gubahan Lagu Original Terbaik.



Persembahan 'Rutin' di majlis pelancaran buku Masuri SN

Sehubungan dengan tema "Ini Nasi Yang Kusuap," Institut Millennia mementaskan sebuah persembahan muzikal yang menyelitkan unsur-unsur ala muzikal Broadway. Walaupun berkonsep baru dan mudah, ia dapat menyampaikan mesej jelas tentang peranan "nasi" dalam kesinambungan hidup masyarakat, terutamanya masyarakat kota yang menganggap kehidupan ini hanya satu "rutin".



Barisan watak-watak 'Rutin'



Belia Asas '50 dari Institut Millenia dan Institut Pendidikan Nasional

Keunikan persembahan "Rutin" terletak pada keberkesanan para "pemain" mengadakan sajak-sajak Masuri yang lain seperti "Tahu-Tahu Aku", "Rutin", "Roda-Roda", "Kota", "Ini Tangan", "Anak Zaman" dan "Syukur" dengan sajak-sajak asal mereka. Sajak-sajak Masuri yang digunakan telah diterbitkan dalam buku *Sajak-Sajak Pilihan Masuri S.N.* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).



Dr Balaji Sadasivan mengucapkan tahniah atas persembahan 'Rutin' penuntut MI

"Rutin" juga dipersembahkan di majlis Pelancaran Buku "Dalam Merenung Dalam" di Perpustakaan Nasional pada 29 April 2006. Pelancaran ini dianjurkan oleh Asas '50 dengan kerjasama Lembaga Perpustakaan Negara. Majlis ini telah diserikan lagi dengan kehadiran Menteri Negara bagi Penerangan, Perhubungan dan Kesenian, dan Kesihatan, Dr Balaji Sadasivan selaku tetamu terhormat.

Antologi Cerpen 'Bengkel Kreatif @ Asas '50'

Nurfirdawati Iryani Abdullah

Setelah tekun mengikuti bengkel-bengkel Kreatif @ Asas'50, para peserta telah dilengkapi dengan ilmu dan teknik yang amat berguna untuk mereka mula berkarya dengan berkesan.



Sesi sumbang saran bengkel Kreatif @ Asas '50

Malah, peserta-peserta bengkel turut digalakkan untuk menghantar karya-karya mereka yang pada awalnya, diperiksa dan dinilai oleh Cikgu Mohd Latiff Mohd dan Cikgu A. Samat Ali.



Para peserta bengkel Kreatif @ Asas '50 memberi perhatian mereka sepenuhnya

Menyusuli proses penyaringan ini, karya-karya yang berpotensi akan dikumpulkan dan diterbitkan dalam sebuah antologi cerpen.

Sejauh ini, buku antologi cerpen sedang dalam proses untuk diterbitkan dan buku antologi sajak pula merupakan projek seterusnya.

Ini jelas menunjukkan komitmen Asas '50 dalam memberikan pendedahan yang

semaksima mungkin bagi penulis-penulis muda di Singapura.

Buku Antologi cerpen ini bakal menampilkan 14 buah cerpen yang disemak dan dipilih oleh pengendali Bengkal Kreatif @ Asas '50 iaitu Cikgu Mohd. Latiff Mohd dan Cikgu Samat Ali.

Cerpen-cerpen yang dihantar telah disemak dan diberikan komentar, khususnya teknik penceritaan, bahasa dan isu-isu yang cuba dikemukakan oleh penulis-penulis muda ini.

Cikgu Mohd Latiff Mohd dan Cikgu Samat Ali juga merupakan penyusun buku antologi cerpen tersebut. Mereka berpendapat bahawa karya-karya yang dihantar baik-baik belaka.

Mereka juga berpendapat bahawa para peserta mempunyai potensi dan bakat untuk menghasilkan karya-karya yang baik.



Pihak penganjur yakin dengan bakat pena para peserta bengkel

Mereka berharap bahawa bengkel yang diadakan itu dapat menggalak lebih ramai penulis muda untuk menulis dan memperkayakan kesusasteraan Melayu Singapura.

Insya'Allah, dengan lebih banyak usaha sedemikian, golongan penulis muda ini dapat membentuk kumpulan pelapis penggiat sastera tanahair yang sangat dinanti-nantikan selama ini.



Meja tetamu terhormat Malam Silam Gemilang


Diadakan di Hotel Holiday Inn The Atrium pada 12 Mei 2006, majlis ini sekaligus meraikan para lulusan NIE dan penutupan kampus Townsville di Margaret Drive yang akan berpindah ke kampus utama NIE di Yunnan.



*Penyelaras Unit Melayu NIE Townsville,
Cikgu Mohd Pitchay Gani*

Selain mendapat dokongan kuat Asas '50, majlis ini turut disokong oleh Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS), Syarikat Guru-Guru Melayu (SGM) dan juga HSBC.

Majlis turut menampilkan Cikgu Yusnor Ef selaku tetamu terhormatnya, malah, Cikgu Yusnor juga merupakan salah satu tokoh pejuang yang dirakamkan dalam jurnal akademik NIE Townsville, **AKTIVIS**.



Edisi keenam **AKTIVIS** ini juga merupakan kali terakhirnya jurnal ini dihasilkan di kampus Townsville itu sendiri.

Walau bagaimanapun, perjuangan guru-guru pelatih NIE Townsville tidak akan terkubur begitu sahaja, memandangkan kampus Townsville kini menjadi satu kenangan manis buat semua.

Malah, perjuangan demi melestarikan bahasa dan sastera Melayu akan tetap berkekalan dalam jiwa kesemua anggota alumni NIE Townsville, baik di Kampus Yunnan mahupun di sekolah masing-masing.

Malam Silam Gemilang

Muhid Irwan Jamal & Muhid 'Dzul' Azhan Sahban

Anggota Jawatankuasa Asas '50 yang terdiri daripada Cikgu Mohd Latiff Mohd, Cikgu A. Samat Ali dan saudara Md Nur Rahman, menghadiri majlis makan malam anjuran unit Melayu Institut Pendidikan Nasional (NIE) Kampus Townsville.




Dari kiri: Nur' Lelah Asfee, Cikgu Mohd Ali Hanifah dan Cikgu Yusnor Ef



Cikgu Mohd Latiff Mohd menyampaikan hadiah kepada pemenang cilik cabutan bertuah

Dari Kanta Belia Asas '50



Tajuk: **Suasana Senja**

Penulis: **Masuri SN**

Terbitan: Angkatan Sasterawan '50

Kumpulan puisi Masuri SN dari 1995-2001 ini merupakan koleksi 209 puisi yang mengungkapkan dan mencungkilkan perihal kehidupan manusia melalui muhasabah diri dari sepanjang pengalaman dan pengamatan penulis terhadap alam sekelilingnya.

Puisi-puisi yang terkandung dalam *Suasana Senja* kerap disuguhkan dengan kekata yang halus dan diplomatik. Diksi yang padat dan jitu dalam puisi-puisi Masuri SN berjaya mengetengahkan unsur-unsur keilmuan, falsafah, kewujudan, alam dan kemanusiaan.

Isu-isu yang menggugat masyarakat tempatan dan antarabangsa telah

Tajuk: **Bicara Rasa**

Penulis: **Sarifah Yatiman**

Terbitan: Anuar Othman & Associates Media Enterprise



Sarifah Yatiman mengajak para pembaca ke alam emosinya dalam kumpulan puisi *Bicara Rasa*. Pemilihan kekata dan perutusan yang rencam, melengkapi kumpulan puisi yang mengandungi 63 kuntuman puisi.

Secara keseluruhan, *Bicara Rasa* membentangkan lelapang kehidupan sebagai temanya utamanya. Keindahan dan keresahan dalam meninjau kanta

diperdebatkan dengan pendapat yang tegas, tekak dan terbuka, namun tetap menyelitkan pengajaran dan menimbulkan kesedaran dan keinsafan.

Suasana Senja turut memberikan fokus kepada pembentukan semangat kebangsaan atau nasionalisme, yang diabadikan dalam puisi *Cintaku Tidak Luntur* yang berbunyi: "Sejak mula kukenal bumi leluhur, aku tidak pernah tahu maknanya mundur."

Puisi *Topeng-topeng dan Wajah Di Tanah Tuhan* memperlihatkan permainan dan kekejaman dunia yang penuh dengan kerakusan dan penindasan. *Umur Tujuh Puluh* pula merakamkan keupayaan dan semangat Masuri SN yang kental untuk terus bergiat dalam berpuisi dan mencerna idea-idea baru. Ternyata sekali usia senjanya tidak memadamkan obor kebaktian Masuri SN terhadap masyarakat dan dunia seni sastera.


kehidupan seperti nilai sebuah pernikahan, kebahagiaan dan kehampaan, ternyata merupakan intisari kepada karya sang penulis.

Puisi-puisi *Bicara Rasa* memanasifasikan perjalanan hidup yang diselimuti cabaran dan dugaan, bak "daun merimbun" dan "meluncurnya kereta api" (Dialog Perjalanan).

Peranan sang ibu turut disentuh oleh penulis melalui sajak-sajak berikut: *Salam Fitri Untuk Bonda, Antara Yang Terakhir, Antara Yang Terakhir II, Kehadiran Realti Setelah Mama Tiada Lagi, Sajak Blues Untuk Mama dan Aku Tidak Tahu Mama*.

Bicara Rasa bagaikan catatan diari yang mengundang pembaca-pembacanya untuk mengupas dan menyaksikan kehidupan Sarifah Yatiman yang tercatat dan diwarnai dengan begitu puitis.

Arni Johan



Tajuk: **Puisi Luka dan Puisi Duka**

Penulis : **Suratman Markasan**

Terbitan: Angkatan Sasterawan '50


Puisi Luka dan Puisi Duka menjentik pemikiran dan memberikan peluang kepada para pembaca untuk menghayati dan melibatkan diri mereka secara intim dalam puisi-puisi sang penulis.

Kumpulan puisi ini dibahagikan kepada dua segmen yakni, pertama; "Puisi Luka" yang mengandungi 17 kuntum puisi dan kedua, "Puisi Duka" yang mempunyai sebanyak 25 kuntum sajak.

Kebanyakan puisi yang diketengahkan memaparkan peristiwa-peristiwa benar yang berlaku pada zamannya. Selari dengan itu, penulis telah menggunakan corak realisme untuk mengolahkan persoalan-persoalan dalam karyanya.

Misalnya, sebagai contoh, puisi pertama yang mengisi *Puisi Luka dan Puisi Duka*, iaitu *Jalan Permulaan*, berlatarbelakangkan negara Singapura yang juga merupakan tanah air penulis yang kian berubah ekoran pembangunan negara. Penulis menggambarkan rasa kesal dengan perubahan yang berlaku dengan ujaran: "*Aku kehilangan lautku*"

Justeru, dapat dikatakan bahawa Suratman Markasan merupakan seorang penyair yang amat bijak, versatil dan mempunyai ilmu yang mendalam untuk menggubal puisi yang bervariasi. Cetusan mesej yang ingin disampaikan bersifat universal serta ideologi yang banyak memperkatakan tentang kebebasan, kedamaian, kesepaduan, kesejahteraan dan keagamaan.



Tajuk: **Ombak Terbang Tinggi**

Penulis: **Abdul Ghani Hamid.**

Terbitan: Angkatan Sasterawan '50.

Ombak Terbang Tinggi mengandungi 200 puisi pilihan dari Abdul Ghani Hamid yang ditulis antara 1955 hingga 2000. Sesetengah daripada koleksi ini pernah diterbitkan dalam antologi puisinya seperti "Jalinan Rasa" (1963), "Nota" (1988).

A. Ghani Hamid merupakan seorang pencinta alam, justeru membuktikan kecenderungannya untuk menyelitkan kekata halus dan indah (mentari, samudra dan bayu) dalam mereka puisi-puisinya.

Sajak A. Ghani Hamid yang bertajuk *Aku Mohon* berbunyi: "*Dan berikan kepadaku petunjuk Dan takwa, dan kemampuan Buat keimanan Dan kebaktian.*" Sajak ini jelas memberikan mesej bahawa Allah S.W.T akan sentiasa mendampingi kita dalam kegelapan dan kesepian sesungguhnya ia maha besar dan maha penyayang.

Ini membakarkan lagi semangat para pembaca untuk jangan mudah putus asa dalam setiap perkara yang kita lakukan, walaupun kita seringkali ditemukan dengan kegagalan.

Apa ertinya kehidupan jika ia tidak mempunyai sebarang cabaran? Ini kerana, hanya melalui cabaran dan dugaan, manusia dapat menghargai kehidupan serta kewujudannya di dunia yang fana ini, lantas memperbaiki diri kita ke arah yang lebih sempurna.

Mujurlah melalui buku ini, para pembaca akan pasti dihidangkan dengan mutu penyajakan yang dapat mencetus semacam kesedaran dan keinsafan.

Muhammad Firdaus Amir



Tajuk: **Terbang Bangau**

Penulis: **Patimah Jaludin**

Di dalam kumpulan cerpen ini, Patimah Jaludin mengajak para pembacanya untuk bersyukur atas segala kenikmatan yang diberikan Yang Maha Esa dan juga mendidik para pembaca supaya berfikir dengan mendalam sebelum melakukan sebarang tindakan.

Selain itu, penulis banyak menekankan peri pentingnya seorang manusia yang hidup di muka bumi ini untuk sentiasa reda dengan takdir Illahi.

Penulis turut membentangkan isu-isu yang mencakupi ruang lingkup yang amat luas, memberikan lebih pemberatan kepada hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan dan masalah-masalah yang mungkin berlaku dalam sesebuah rumah tangga itu.

Sebagai contoh, cerpen-cerpen *Pertemuan Yang Tergugat* dan *Terbang Bangau* merupakan cerita-cerita yang mengisahkan perihal kekeluargaan dan cabaran-cabaran yang bakal diharungi mereka yang berumah tangga.

Isu-isu sebegini amat mudah ditafsirkan dan diperkatakan oleh para pembaca, justeru ia menjadi bahan pilihan Patimah Jaludin dalam menghasilkan karya-karyanya dalam *Terbang Bangau*.

Malahan, kumpulan cerpen ini amat sesuai untuk mana-mana golongan pembaca, baik yang muda mahupun yang berusia senja, yang gemar membaca demi mengisi masa lapang mereka sekaligus meneladani jalan-jalan cerita yang telah dihasilkan penulis.



Tajuk: **Penawar Rindu**

Penulis: **Wan Jumaiah Mohd Jubri**

Kumpulan cerpen *Penawar Rindu* oleh Wan Jumaiah Mohd Jubri menyajikan para pembaca mengenai isu-isu yang berkait rapat dengan kehidupan seharian masyarakatnya.

Isu-isu yang diketengangkannya membuat para pembaca berfikir sejenak dan mengambil iktibar dari pengajaran-pengajaran dan mesej-mesej yang dikemukakan oleh Wan Jumaiah Mohd Jubri.

Penulis juga menyelitkan karya-karya berbentuk satira dan bercorak sudut pandangan pertama. Ini jelas menunjukkan ilmu kepengarangan penulis dalam membuahkan hasil sastera yang bermutu.

Selain itu, dapat dikatakan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan di dalam cerpen-cerpennya akan terus menjadi sesuatu yang dekat dengan hati masyarakat, sebagai contoh cerpen-cerpen "Bagai Pinang" dan "Nasinya Belum Luak". Ini hanya dua daripada jumlah cerpen yang amat berkualiti dalam kompilasi *Penawar Rindu* ini.

Terdapat karya-karyanya yang mampu mencuit hati para pembaca. Ini memberikan pengalaman membaca karya-karya Wan Jumaiah Mohd Jubri satu suntikan yang segar dan menarik.

Pendek kata, *Penawar Rindu* amat sesuai untuk para pembaca seperti kita di Singapura yang sedang mencari "penawar" dalam melegakan kehidupan kita yang penuh dengan tekanan demi penakatan dan kebajikan keluarga.

Mahirah Mohd Thoimi



Tajuk: **Berlalu
Sudah Dukanya**

Penulis: **A.
Wahab Hamzah**

Sekali lagi, A. Wahab Haji Hamzah telah berjaya merakamkan citra kekeluargaan dan gagasan kemasyarakatan dalam antologi cerpen beliau yang ketiga, Berlalu Sudah Dukanya.

Penerima Anugerah Penghargaan Hadiah Sastera dan penulis antologi Igau dan Tuhan Masih Sayang ini tidak jemu dan terus mampu mencungkil rentetan-rentetan kehidupan masyarakat Singapura dan menghidupkan persoalan-persoalannya dalam antologi beliau ini. Malah, A. Wahab Hamzah merupakan penulis mapan Singapura yang karyanya seringkali disinonimkan dengan tema-tema kemasyarakatan.

Isu-isu seumpama penyelewengan agama, falsafah kehidupan masyarakat, perhubungan sulit, masalah mencari kerja dan juga menghadapi hari tua merupakan teras kepada tulang belakang cerpen-cerpen beliau.

Dalam pada itu, pembaca mampu mempelajari dan menggunakan isu-isu yang dibangkitkan ini demi lebih memahami lingkaran musibah yang membelenggu kehidupan masyarakat dewasa ini.

Tambahan lagi, daya kreatif dan keunikan beliau dalam menghidupkan kehidupan manusia dalam cerpen-cerpennya pasti akan menyebabkan pembaca tidak mampu berhenti membaca.



Tajuk: **Kisah
Bukit Cermin**

Penulis: **Anuar
Othman**

Pemenang Anugerah Golden Point; Anuar Othman buat kali ketiga kini menghadihkan pembaca dengan sebuah kumpulan cerpen yang cukup memuaskan.

Hasil penerbitan tersebut merupakan sebuah kumpulan cerpen-cerpen beliau yang pernah diterbitkan di akhbar Berita Harian.

Buku beliau ini mampu menggambarkan kepincangan manusia dalam suasana yang tegang dan suspens tetapi adakalanya amat melucukan. Secara tidak langsung, ia mampu membuat pembaca terus untuk membaca tanpa disedarinya.

Kisah-kisah seperti *Sang Nila Utama*, *Pak Iman dan Nombor* adalah sebahagian daripada cerpen-cerpen yang amat dekat dengan hati anak watan Singapura.

Justeru, citra kemanusiaan yang terpahat dalam cerpen-cerpen beliau menjadikan ia sebuah buku yang kaya dengan citra sosial.

Selain itu, cerpen-cerpen yang terkandung dalam antologi ini amat berbeza dengan cerpen-cerpen lain kerana gaya menulis Anuar Othman mampu memberi kesegaran yang berlanjutan kepada setiap pembaca.

Malah, pengalaman dan pembelajaran Anuar Othman di luar negara yang telah melengkapkannya dengan pelbagai ilmu bagi bidang sastera turut menyumbang kepada keunikan dan kecemerlangan beliau dalam mengarang.

Mohd Ali Mohd Iqbal

Sayap Belia Terbang Ke Sikkim, Utara India

Nur'lelah Asfee, Hafizah Jumaeh, Fariz Husna Sajani

Ramai pasti tertanya, apa lagi kegiatan-kegiatan menarik sayap belia selain persembahan, bengkel dan pelancaran buku. Aktiviti yang dijalankan sering kali membuahkan tekad dan semangat baru untuk meneruskan perjuangan dalam penulisan.



Gunung Kanchendzonga

Dalam setiap hasil karya, cetusan ilham terbit setelah meraih kekayaan pengalaman. Pengalaman yang mencorak jalan hidup, perjalanan yang ditempuh sayap belia kali ini bukan setakat di tanah air sahaja. Malah, menjangkau benua dan rantauan.

Dengan tertubuhnya Kelab Belajar Bakti (Service Learning Club) di NIE, tiga anggota sayap belia Asas '50, Sdr Hafizah, Nurlelah dan Fariz telah merealisasikan satu misi ekspedisi ke Sikkim, Utara India pada cuti bulan Jun.

Misi tersebut bertujuan untuk memperkasakan sistem pendidikan sebuah sekolah antarabangsa dan meringankan beban kehidupan anak-anak yatim di Pondok Lepcha.



Kanak-kanak di Pondok Lepcha

Kumpulan ini menyediakan rancangan padat selama dua minggu seperti bengkel teknologi maklumat, drama, budaya dan seni. Ketua Sayap Belia, Fariz Husna, ditugaskan sebagai ketua seni budaya dalam misi yang penuh dengan cabaran. Tambahan, dia telah melakarkan pelbagai kegiatan dan persembahan bagi sesi pertukaran budaya.



Pementasan: Sdr Fariz giat berlakon sebagai Sang Nila Utama

Murid-murid akhirnya mampu mementaskan satu sketsa berdasarkan sastera rakyat Bengal Barat yang berjudul Babaji dan 4 Ekor Harimau. Hafizah dan Nurlelah juga giat membimbing anak murid dalam bidang seni, muzik, latihan jasmani dan kajian alam sekitar.

Dalam sesi pertukaran budaya, Nurlelah dan Hafizah telah menghidangkan masakan Nasi Lemak kepada 50 kakitangan sekolah serta keluarga yang berkunjung untuk menyaksikan kebolehan rakyat Singapura. Fariz, Nurlelah dan Hafizah turut menjayakan pentas drama yang memaparkan kisah asal-usul Singapura bermula dari ketibaan Sang Nila Utama. Hafizah turut menarik perhatian orang Sikkim dengan gerak seni silatnya yang mengancam.



Setelah habis kerja kemasyarakatan, mereka sekumpulan pergi ke Pondok Lepcha untuk memberikan habuan yang dikumpulkan di Singapura berbentuk mainan dan buku-buku pelajaran. Anak-anak yatim di pondok tersebut berasa bahagia tidak terhingga lalu mendendangkan kumpulan Singapura beberapa kuntum lagu Hindi, Nepali dan Bhutia. Rasa simpati terhadap keadaan hidup anak-anak yatim tersebut tidak dapat terkawal sehingga beberapa anggota kumpulan berlinangan air mata.

Mereka bertiga pulang kembali ke Singapura penuh dengan pengalaman, keyakinan baru dan nilai kemanusiaan tanpa sempadan. Sememangnya, terdapat banyak ekspedisi melibatkan belia untuk menghulur bantuan ke luar negara. Ekspedisi pasti membuka mata setiap individu kerana mendapat gambaran dunia luar yang sebenar. Ini menjadikan pena yang merakam lebih tajam. Maka, lahirlah penulis baru yang berani serta lebih mengancam.



Fariz, Hafizah dan Nur'Leleh bersama rakan dan murid-murid Sekolah Taktse (Antarabangsa)

"Jadilah kamu manusia yang pada kelahiranmu semua orang tertawa girang tetapi hanya dikau sendiri yang menangis, dan pada kematianmu semua orang menangis sedih tetapi dikau sendiri yang tertawa."

Kata Hikmah

Jelajah Sikkim

*Rama-rama hinggap
Ketuk lekat luar tingkap
Pancaindera terperangkap
Santapan rohani
Hijau yang hakiki*

*Panda merah makan tebu
Melompat hinggap cari rezeki
Manusia peka lazim hati-hati
Pelihara pulihara elak huru-hara
Dedaun bebunga mekar berseri
Plastik tiada hak untuk berleluasa*

*Dambakan cahaya
Teroka suasana
Terdiri bujur kaku nanti
Kabus menyelubungi
Tiada kusangka
Utara India gah bagai mentari
Sinaran pancar di tabir awan
Sembunyi rahsia alam sejati*

*Musim silih berganti
Gentar gigil bakal dinikmati*

*Ah! Indahny banjaran gambaran
Hendakku tawan segunung perasaan
Hanya selayang pandang ketinggian
Gunung ketiga teratas dunia
Gunung Kanchendzonga
Gelora segelintir roma
Ciptaan Yang Maha Agung
Bumi bersasa putih sempurna*

*Air terjun saling berkumandang
Harapkan mahligai dunia berkekalan
Tatkala waktu hanya tika
Getaran nadi puncak segala*

Fariz Husna Bin Sajani

"Kebenaran tidak dapat dimusnahkan oleh air dan api"

Peribahasa Tibet

"Jangan hilang kepercayaan terhadap kemanusiaan. Kemanusiaan itu ibarat lautan. Jikalau terdapat beberapa titis kekotoran, lautan tetap tidak akan cemar."

Mahatma Gandhi

Muncul seorang rupawan kacukan Arab Filipina dan Jawa dari Alfa Romeo merah lagi mengancam. Rambut Maisarah terburai elok setelah mengeluarkannya dari cekak leher bagai iklan Pantene. Kemeja biru mendung yang dipakainya kelihatan kemas. Seluar jenama Levi's pula serasi dengan saiz punggungnya. Mai bergegas keluar dari keretanya sambil membawa beberapa fail kertas serta komputer riba Acer.

'Hmmp! Lupa nak ambil telefon bimbit. Pasti Si Shai tu akan mencariku di sini,' bisik hati kecilnya sambil menekan kembali butang kekunci keretanya.

Tika meraba-raba untuk mendapatkan telefon bimbit yang tersumbat dalam celahan, Mai tenampak kitab Al-Quran yang tersadai di tepi pintu kereta. Mai menghayati ayat-ayat di permukaannya buat seketika lalu meletakkannya kembali ke dalam laci lipat kereta. Teringat pula ibu ayahnya yang meninggalkannya dua tahun lalu. Teringat pula solat Subuh yang ditinggalkannya tadi. Aduh! Peritnya hidup. Setelah sepuluh tahun berkhidmat di masjid, terbukti semua usaha dan laksana tidak berbaloi. Kebajikan yang diberikan dan idea serta projek demi projek tidak pernah sesekali dihargai relawan ataupun para asatizah masjid tersebut

Kemahirannya dalam ilmu hisab dan perakaunan telah menjadikannya salah seorang aset terpenting bagi kemajuan sekolah dan masjid pada waktu yang sama. Semakin Mai membesar, Mai lebih memahami kesekitaran yang membina jati dirinya sebagai perempuan Melayu sopan lagi berakhlak mulia. Semestinya, manusia sering tidak sempurna.

Mai ingin teruskan kebajikannya tetapi di mana? Mai mahu tempat untuk bertapak. Mai mahu maju. Mai tidak mahu memendam dendam kesumat terhadap sesiapa. Mai rela berjuang demi kesejahteraan masyarakat dunia. Hanya peritnya hati, kali seterusnya, tidak di masjid lagi.

Ibu bapanya pula amat marah apabila mendapat khabar cara Mai

menangani masalah dengan orang masjid. Berkali-kali mereka memesan Mai supaya ubah haluan dan sesuaikan diri dengan kesekitaran keadaan. Mai bersabar. Mai cuba. Orang tak mengerti. Ramai yang mencemburui kebolehan Mai. Ramai yang berusaha untuk menjatuhkan Mai. Mai tidak boleh bertindak seorang. Mai perlu berdamping dengan orang yang lebih wibawa. Tetapi siapa lagi?

Mak dan ayah sendiri tidak mahu Mai keluar daripada lingkaran kelompok yang ingin menzaliminya dengan pelbagai tugas. Mai ingin menimba ilmu lebih lanjut. Mai pun ingin hidup. Mai ingin berhibur dan Mai teringin sekali berteman ramai. Ibubapanya jelas inginkan Mai bersama masjid. Segala kata bagaikan menuangkan air ke atas daun keladi. Mai yang ingin menebarkan sayapnya tetapi tidak sedar sayapnya patah dengan tidak sengaja.

Ini berlaku menyusuli kematian ibubapanya dalam satu kemalangan jalan raya yang ngeri di lebuh raya timur Malaysia sewaktu cuti. Mujur, Mai hanya mengalami cedera ringan di kaki dan tangannya. Sekembalinya ke dalam bangunan Park Mall, Mai mula berfikir kembali tentang hasratnya untuk kembali ke pangkuan ibubapanya setelah pergi membawa diri buat sekian lama.

Aroma wangian Estee Lauder yang memberangsangkan mencuit tiap hidung pipi jantan yang berada di sampingnya. Mai tidak menghiraukan pandangan semua. Mai membuka lipatan telefon bimbit Samsungnya dengan pantas dan mengenalpasti pesanan ringkas yang baru dihantar Syai.

Shai menyatakan<<Mai, dah hbis mesy ke blum? Cpt hubungi Khai. Dia ada di lpgn trbng skrg>> Mai menjawab kembali<<Ku kan ke sana asap. Ada bbrp brg yang prlu diangkut sblm kita brngkt. 2 com, sbuah pmain DVD, sebuah TV dan tiga ktk ensklpdia dan buku rjkn>>

Pesawat Boeing ke Tibet begitu gah reka bentuk dalaman dan luarannya. Desingan enjin jet mencecah bumi tepat pukul 10.45am. Syai begitu ghairah

melihat pemandangan di Tibet. Kamera Olympus yang dibawanya tampak melekat di dadanya supaya senang dipetik gambar-gambar yang menarik atau aksi orang tempatan yang unik.

'Sudahlah Syai! Cukup ambil gambar-gambar pemandangan. Kita jimat sikit baterinya untuk esok lusa,' pesan Mai dengan sekuntum senyuman yang manis. Dalam masa beberapa hari, Khai, Shai dan Mai tangkas menangkap cara perbualan yakni bahasa orang tempatan supaya senang mereka mencari arah dan menuju ke destinasi tujuan mereka.

Khai memastikan perjalanan mereka mengikut rang undang keselamatan antarabangsa yang ketat lagi selamat. Kotak-kotak barangan yang dibawa untuk dihadiahkan orang tempatan diuruskan oleh mereka. Ketua rombongan pembantu, Rohan, menyambut kedatangan kami dengan tangan yang terbuka. Perjalanan ke tempat mereka tidak begitu teruk seperti dijangkakan.

Alangkah terpegun Mai buat seketika setibanya mereka ke kota Salamabad yang diduduki penduduk beragama Islam. Mai tidak pasti pada mulanya kerana Rohan memakai songkok yang agak aneh dan pakaiannya juga tidak melambangkan pakaian Arab atau Melayu seperti yang dikenalpastinya. Khai juga terperanjat. Disangkanya penduduk Tibet beragama Hindi atau Buddha kesemuanya. Syai tidak membuang masa memetik gambar masjid, orang tempatan serta rumah-rumah mereka yang diperbuat daripada alat-alat mudah. Muka anak-anak mereka kelihatan pucat mungkin kerana kekurangan makanan.

Misi mereka berjalan dengan lancar. Penduduk kota meraih banyak manfaat daripada ajaran dan perkakas asas yang disediakan mereka. Syai pula disamping merakam dokumentasi pengembaraan bantuan mereka, sempat berkenalan dengan beberapa gadis tempatan. Lantas, Syai pula menyelami budaya orang tempatan

Mai menghadapi kesan yang mengubah budaya kehidupannya. Mai mula mengamati agama Islam dengan lebih mendalam setelah melihat kesusahan dan kegigihan orang tempatan

menakat demi generasi esok hari. Kubah masjid mereka keemasan dan puncaknya bagai mampu membelah langit. Awan sesekali menutup puncak kubahnya. Mai mula memakai tudung kembali dan sering ke masjid mencari ilham tiap hari selepas mengajar dan menguruskan ekonomi orang tempatan. Satu tika, Mai bertekad ingin membina sebuah lagi masjid di kota tersebut sebelum meninggalkan Tibet.

Kerja kebajikan sudah hampir tamat. Setengah penduduk kota sudah mampu menggunakan komputer. Tiga penduduk kota telah dilatih sehingga menjadi pakar komputer selang beberapa bulan di sana. Mai sudah melihat tapak binaan masjid yang baru dibangkannya. Penduduk bercadang untuk menggunakan nama Mai bagi nama masjid. Masjid Maisarah nama masjid tersebut. Belum sempat masjid itu sempurna dibina, Mai dan rakannya terpaksa melambai kepada penduduk Salamabad buat kali terakhir.

Tiba-tiba ribut salji mula melanda. Khai cuba menenangkan Mai dan Syai dan memesan mereka supaya pegang sesama lain dengan erat. Tangan Syai juga mula mengalami gigitan sejuk yang amat perit. Mai cuba membantu mereka dengan memasang khemah dan menghidupkan api. Sejurus selepas api dalam khemah dihidupkan. Terdengar bunyi salji runtuh dengan perlahan dari atas pergunungan. Syai sangka hanya bunyi guruh yang gemuruh.

Gegaran semakin kuat. Syai dan Khai hanya memeluk antara satu dengan lain. Mai menjenguk keluar. Malangnya, salji runtuh yang hebat terus menyapu khemah termasuk tiga insan yang ada di dalamnya. Terkebumi mereka dengan serta merta tanpa amaran awal alam semula jadi. Mai masih nyawa-nyawa ikan. Di dalam kesejukan timbunan salji, Mai terkenangkan ibu bapanya. Mai akan menemuinya di alam seterusnya. Terkenang pula amalan-amalannya sewaktu di dunia. Saat yang tenang. Mai sempat mengukirkan senyuman. Ukiran senyum beku.

Senyuman nyaman salju sayu.

Perkembangan Sayembara Noktah Putih

Hoirull Amri Tahiran

Sayembara Noktah Putih semakin terasa kehangatannya. Kemasukan karya-karya peserta yang meliputi bidang cerpen dan sajak sangat menggalakkan. Bermula dengan penulis-penulis yang baru menginjakkan kaki ke dalam alam penulisan kreatif sehingga ke penulis-penulis mapan, tentunya kerencaman karya mereka pastinya akan dapat memikat hati para pengadil.

Lazimnya, kriteria-kriteria yang diperlukan bagi menambat hati para pengadil ialah karya tersebut mencerminkan persoalan kehidupan dari perspektif yang berlainan. Cara bagaimana seseorang menggarap isu semasa, menghayatinya dan kemudian mengolahkannya menjadi bentuk sebuah cerpen atau sajak – ini semua tertakluk kepada daya kreativiti dan kemahiran masing-masing.

Selain itu, memandangkan genre-genre seperti sains fiksi, realisme magis dan sebagainya kurang disentuh dalam penulisan cerpen di Singapura, sayembara ini turut memberi ruang dan peluang kepada para penulis untuk menonjolkan bakat mereka dalam genre-genre tersebut.

Peraduan ini berjaya mendapat sokongan daripada pihak media massa. Berita Harian telah menyiarkan artikel mengenai peraduan ini di Ruang Ekstra Warisan pada tanggal 27 April 2006. Lebih menarik lagi, pihak Mediacorp Radio Ria mengumumkan sayembara ini melalui ruangan *Rileks* pada bulan Mei. Memandangkan kebanyakan para pendengar Ria terdiri daripada golongan belia, hal ini diharapkan dapat menarik lebih ramai penulis muda untuk menyertai peraduan ini. Radio Warna turut berperanan menguar-uarkan sayembara ini melalui siaran *Hooray-Hooray* pada tanggal 27 Mei.

Berikutan sumbangan media massa, terdapat segenap lapisan masyarakat yang menunjukkan keinginan untuk

menyertainya. Hal ini terbukti dengan jumlah pertanyaan kepada pihak penganjur melalui wahana e-mel dan telefon sepanjang tempoh menjelang tarikh penutup. Pihak penganjur bersyukur kerana mendapat sambutan yang menggalakkan sejauh ini.



Belia Asas '50 sertakan borang & surat berita untuk dipos ke rumah para anggota.

Pada masa yang sama, kesemua anggota Asas '50 yang terkini tidak dilupakan. Jawatankuasa sayembara telah berusaha menghantar borang melalui pos ke alamat setiap anggota. Ia disertakan dalam surat berita edaran pertama pada bulan April.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakhahaman bagi menyertai peraduan ini, pihak penganjur akan tetap berusaha memperbaiki proses peraduan ini. Tambahan, kami masih menerima sebarang pertanyaan mengenai sayembara ini dan tetap mengalu-alukan karya-karya para peserta sehingga tarikh penutup – 30 Jun.

Sila kirimkan maklum balas anda kepada alamat:
Angkatan Sasterawan '50, BLK 651, Yishun Avenue 4, #02 – 503, Singapura 760651
atau kirimkan emel anda kepada alamat orbic@pacific.net.sg.
Tempahan buku-buku Asas '50 juga boleh dibuat melalui kedua-dua alamat tersebut.